

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10173
MATEMATIK PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Antara berikut, yang manakah persamaan untuk mengira untung? CLO1
T1
- A** Untung = Hasil – Kos
B Untung = Hasil + Kos
C Untung = Harga jual x kuantiti
D Untung = Kos tetap + Kos berubah
2. Apakah kesan terhadap Titik Pulang Modal (TPM) sekiranya kos menurun, CLO1
T1 dengan andaian faktor lain adalah malar?
- A** TPM tidak berubah
B TPM akan merendah
C TPM akan meningkat
D TPM akan sama dengan jumlah kos
3. Manakah antara berikut merupakan fungsi dan kegunaan mengira Titik Pulang Modal (TPM) CLO1
T1
- I. Menentukan tahap volum jualan yang perlu dikeluarkan bagi mengelak kerugian.
II. Mengetahui jumlah keuntungan atau kerugian pada tahap pengeluaran tertentu.
III. Merancang aliran tunai perniagaan sesuai dengan perubahan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.
IV. Mengkaji kesan ke atas TPM jika perubahan dibuat ke atas kos tetap, kos berubah seunit atau harga jualan seunit.
- A** I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 4 hingga 6 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Kos tetap	RM30,000.00
Kos berubah	RM12.00 seunit
Harga jualan	RM40.00 seunit
Kuantiti	3,000 unit

4. Berapakah jumlah kos?

CLO2

T1

- A RM36,000.00
- B RM54,000.00
- C RM66,000.00
- D RM120,000.00

5. Berapakah jumlah hasil?

CLO2

T1

- A RM36,000.00
- B RM54,000.00
- C RM66,000.00
- D RM120,000.00

6. Kirakan jumlah untung yang diperolehi.

CLO2

T1

- A RM54,000.00
- B RM66,000.00
- C RM84,000.00
- D RM90,000.00

Soalan 7 dan 8 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Telaga Enterprise bercadang untuk menjual 1,000 helai tudung di Karnival Usahawan Desa 2024. Berikut adalah maklumat yang diperolehi.

Kos tetap	RM2,000.00
Kos berubah	RM3.00 seunit
Harga jualan	RM10.00 seunit

7. Kira margin caruman seunit.

CLO2

T1

- A** RM3.00
- B** RM7.00
- C** RM10.00
- D** RM13.00

8. Berapakah nisbah margin caruman seunit?

CLO2

T1

- A** 13%
- B** 30%
- C** 70%
- D** 100%

9. Apakah yang dimaksudkan dengan tokok harga?

CLO1

T2

- A** Nilai yang dikurangkan oleh peniaga bagi menarik minat pembeli.
- B** Nilai yang perlu dibayar oleh pembeli semasa membeli sesuatu produk.
- C** Nilai yang ditambah kepada kos barangan bagi menentukan harga jualan.
- D** Nilai yang dikeluarkan oleh peniaga dalam menghasilkan sesuatu produk.

10. Peniaga selalunya terpaksa menurunkan harga barangan menjadi lebih rendah daripada harga jualan asalnya kerana beberapa sebab **KECUALI** CLO1
T2
- A barang tersebut telah kotor atau rosak.
 - B barang tersebut telah hampir tamat tarikh luputnya.
 - C barang tersebut mendapat sambutan yang menggalakan dari pelanggan.
 - D barang tersebut telah ditokok terlalu tinggi sebelum ini menyebabkan ia sukar dijual.
11. Dapatkan nilai tokok harga bagi sebuah kerusi yang dibeli pada harga RM25.00 dan dijual semula pada harga RM100.00. CLO2
T2
- A RM25.00
 - B RM75.00
 - C RM100.00
 - D RM125.00
12. Kedai Don Sepang telah membeli buah limau mandarin pada harga RM8.00 sekotak dan menjualnya semula pada harga RM24.00 sekotak. Berapakah kadar tokok harga berasaskan kos produk tersebut? CLO2
T2
- A 100%
 - B 200%
 - C 300%
 - D 400%

Soalan 13 dan 14 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Adli bercadang untuk menetapkan kadar tokok harga 20% berasaskan harga jual bagi produk Z yang dibeli pada harga RM80.00.

13. Berapakah harga jual produk Z tersebut? CLO2
T2
- A RM66.70
 - B RM80.00
 - C RM96.00
 - D RM100.00

14. Kirakan nilai tokok harga produk Z tersebut? CLO2
T2
- A** RM16.00
B RM20.00
C RM30.00
D RM36.00
15. Apakah yang dimaksudkan dengan diskaun perdagangan? CLO1
T3
- A** Potongan wang tunai dari jumlah hutang atau harga bersih dalam invois.
B Perbezaan antara harga bersih dengan jumlah yang perlu dibayar oleh pembeli.
C Potongan wang tunai yang diberikan kepada pembeli untuk menggalakkan pembeli menjelaskan hutang dengan segera.
D Potongan wang tunai yang diberikan kepada pembeli untuk menggalakkan pembeli membeli dengan kuantiti yang banyak.
16. Antara berikut yang manakah syarat jualan atau kredit yang biasa digunakan oleh penjual bagi menentukan tempoh layak menerima diskaun tunai? CLO1
T3
- I. Tarikh Biasa
II. Tarikh Akhir Bulan
III. Tarikh Tempahan Barang
IV. Tarikh Penerimaan Barang
- A** I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
17. Berapakah harga bersih sekeping karpet jika harga senarai adalah RM120.00 dengan kadar diskaun perdagangan 15%? CLO2
T3
- A** RM96.00
B RM102.00
C RM115.00
D RM138.00

18. Kirakan diskaun tunggal setara dengan diskaun perdagangan bersiri 30/20/10. CLO2
T3

- A 20.0%
- B 49.6%
- C 50.4%
- D 60.0%

Soalan 19 dan 20 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Satu invoice dengan harga bersih RM2,500.00 bertarikh 1 Mac 2024 dengan syarat kredit 5/14, n/30 (Tarikh Biasa). Invoice dijelaskan pada 10 Mac 2024.

19. Kirakan jumlah diskaun tunai yang layak. CLO2
T3

- A RM125.00
- B RM250.00
- C RM350.00
- D RM750.00

20. Berapakah jumlah harga bersih yang perlu dibayar? CLO2
T3

- A RM1,750.00
- B RM2,150.00
- C RM2,375.00
- D RM2,500.00

BAHAGIAN B

[60 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan kos tetap dan berikan **SATU (1)** contoh. CLO1
[3 markah] T1

- b) Huraikan **DUA (2)** kaedah mencari titik pulang modal. CLO1
[4 markah] T1

- c) Sempena menjelang sesi persekolahan baharu 2025, Amna's Collection CLO2
T1 bercadang menjual set pakaian sekolah. Berikut adalah butiran tentang set pakaian sekolah tersebut.

Kos tetap	RM15,000.00
Kos berubah	RM20.00 seunit
Harga jualan	RM35.00 seunit

Sekiranya mereka bercadang untuk memperolehi keuntungan sebanyak RM45,000, kirakan jumlah set pakaian sekolah yang perlu mereka jual.

[5 markah]

- d) Berikut merupakan maklumat yang diperolehi dari Perniagaan Seri Gemilang CLO2
T1 bagi tahun 2023.

Kos tetap	RM100,000.00
Kos berubah	RM4.00 seunit
Harga jualan	RM8.00 seunit
Kuantiti jualan	50,000 unit

Anda dikehendaki:

- i. Bentukkan fungsi untung, $U(x)$.

[2 markah]

- ii. Kira Titik Pulang Modal (TPM) dalam unit dan nilai.

[6 markah]

Soalan 2

- a) Apakah **DUA (2)** jenis asas dalam pengiraan tokok harga dan siapakah yang CLO1 sesuai menggunakan kaedah tersebut. T2

[4 markah]

- b) Merujuk kepada Jadual 1 di bawah, sila nyatakan sama ada seorang perniaga CLO1 itu perlu menokok harga atau menurunkan harga berdasarkan situasi berikut: T2

Bil.	Situasi	Tokok harga / Turun harga
i.	Permintaan terhadap baju melayu berkurangan selepas musim perayaan.	
ii.	Pemilik kedai menaikkan harga sewa.	
iii.	Harga bahan mentah meningkat 10% di pasaran.	
iv.	Produk makanan yang dihasilkan menghampiri tarikh luput.	
v.	Pihak urusetia karnival usahawan tidak mengenakan caj tapak niaga.	
vi.	Bekalan ikan berkurangan di musim tengkujuh.	

Jadual 1

[6 markah]

- c) Kedai Perabut Ramli telah membeli satu set bilik tidur pada harga RM1,200.00 CLO2 dan telah menjualnya semula pada harga RM1,800.00. Kirakan T2

- i. nilai tokok harga.

[2 markah]

- ii. kadar tokok harga berasaskan kos.

[2 markah]

- iii. harga jual baharu sekiranya ditokok sebanyak 10% berasaskan kos.

[3 markah]

- iv. harga jual baharu sekiranya diturunkan pada kadar 5% dari harga jual asal.

[3 markah]

Soalan 3

- a) Nyatakan **DUA (2)** perbezaan antara diskaun perdagangan dengan diskaun CLO1 tunai. T3

[4 markah]

- b) Sekiranya satu invoice meletakkan syarat kredit bagi 10/10, 5/20, n/30 (Tarikh CLO1 Biasa) dan denda 5% bagi bayaran dibuat selepas 30 hari dari tarikh invoice T3 bertarikh 10 Mei 2024. Tentukan sama ada anda layak menerima diskaun dan berapakah kadar diskaun tunai atau denda jika invoice dijelaskan seperti dalam Jadual 2.

Anda dikehendaki menyalin dan melengkapkan Jadual 2 di bawah menggunakan kertas jawapan yang dibekalkan.

	Tarikh bayaran	Layak / Tidak layak menerima diskaun	Kadar diskaun / denda
i.	15 Mei 2024		
ii.	30 Mei 2024		
iii.	10 Jun 2024		

Jadual 2

[6 markah]

- c) Anda merupakan pembekal pelbagai alat tulis kepada Koperasi SK Tg. Buai. CLO2 Satu invoice bernilai RM850.00 bertarikh 1 Jun 2024 dengan syarat kredit 10/7, T3 5/14, n/30 (E.O.M) telah dikeluarkan kepada Koperasi SK Tg. Buai. Mereka telah membuat bayaran keseluruhan jumlah invoice tersebut pada 1 Julai 2024.

Anda dikehendaki:-

- i. menyatakan tarikh akhir dan kadar diskaun yang layak berdasarkan syarat kredit yang telah ditetapkan.

[4 markah]

- ii. mengira jumlah diskaun tunai yang diterima oleh Koperasi SK Tg. Buai.

[3 markah]

- iii. mengira jumlah yang perlu dibayar oleh Koperasi SK Tg. Buai.

[3 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab